

INFO US\$AHAWAN

usahawan pemacu ekonomi mapan

EDISI 25

ISSN 1823-6421



Usahawan Siswa – Memanfaatkan Usia Muda

Azura Mohd.Noor¹, dan Fazni Mohamad Fadzillah¹
¹Fakulti Perakaunan, UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA, Arau, Perlis.
*Koresponden: azura@uitm.edu.my

Diriwayatkan oleh sahabat Abdullah Ibnu Abbas RA bahwa Baginda Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: "Manfaatkanlah lima perkara sebelum kamu kedatangan lima perkara (demi untuk meraih keselamatan dunia akhirat). Yakni masa mudamu sebelum datang masa tuamu, sihatmu sebelum datang sakitmu, masa kayamu sebelum datang fakirmu. waktu luangmu sebelum waktu sibukmu, masa hidupmu sebelum datang kematianmu".
[Riwayat al-Hakim dan al-Baihaqi]

Usahawan siswa merupakan usahawan muda yang masih menjalani proses pembelajaran di peringkat pengajian tinggi. Usia muda sentiasa dikaitkan dengan seseorang pelajar dan ia merupakan kelebihan yang perlu dimanfaatkan sepenuhnya oleh usahawan siswa.

Usia muda melambangkan perjalanan yang masih jauh dan panjang. Usia muda juga sering digandingkan dengan keinginan untuk mengetahui, dan juga mencuba tanpa jemu. Apabila usia muda dikaitkan dengan usahawan siswa, ia menunjukkan wujudnya peluang untuk belajar serta mencuba ilmu yang baru, mencetuskan idea-idea yang kreatif dan mengaplikasikannya dalam perniagaan. Jika berlaku kesilapan, masih banyak ruang masa dan peluang untuk memperbaiki kesilapan tersebut dan terus melaksanakan sesuatu strategi yang baru sehingga mencapai kepuasan dan kejayaan dalam pelajaran dan perniagaan.

Usia muda menggambarkan keberanian seseorang usahawan siswa dalam membuat keputusan dan kesanggupan dalam mengadaptasi kepada sebarang perubahan. Di usia muda ini merupakan peluang keemasan bagi usahawan siswa melakukan anjakan paradigma bagi meningkatkan kualiti diri. Keberanian menghadapi kegagalan serta keberanian mengambil risiko merupakan ciri-ciri positif yang ada di dalam diri orang muda. Pihak universiti perlu mengambil peluang ini bagi mewujudkan cabaran-cabaran baru kepada mahasiswa yang menceburi dunia keusahawanan seperti pertandingan keusahawanan yang lebih menguji keupayaan usahawan siswa dalam menangani masalah perniagaan serta berupaya untuk menyediakan penyelesaian masalah yang berkesan. Ini akan mewujudkan sifat keterujaan seorang mahasiswa untuk meneruskan peranan beliau sebagai seorang usahawan yang kreatif, inovatif dan berdaya saing dengan mengaplikasikan ilmu yang dipelajari di universiti.

Usia muda juga merujuk kepada sikap fleksibiliti yang dimiliki oleh usahawan siswa. Sikap fleksibel ini merupakan kekuatan kepada seseorang usahawan siswa jika ingin menempa kejayaan dalam kehidupan kerana beliau memainkan dua peranan utama iaitu sebagai seorang pelajar dan seorang peniaga.

Daripada Abu Hurairah RA, bahawa Nabi SAW bersabda yang bermaksud: "Barangsiapa yang menempuh satu jalan untuk menuntut ilmu maka Allah SWT akan memudahkan baginya jalan untuk ke Syurga. Tidakkah satu kumpulan berkumpul di dalam sebuah rumah di antara rumah-rumah Allah, membaca kitab Allah (al-Qur'an) dan mempelajarinya sesama mereka melainkan akan turun kepada mereka sakinah (ketenangan), diiputi ke atas mereka rahmat dan dinaungi oleh malaikat serta Allah SWT akan menyebut mereka pada malaikat yang berada di sisi-Nya".
[Riwayat Muslim, 4867]

Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: Barangsiapa mencari rezeki halal untuk menjaga diri daripada meminta-minta, dan dengan tujuan memenuhi nafkah keluarga, serta supaya dapat membantu tetangganya, nescaya dia akan datang pada hari Kiamat dengan wajahnya yang berseri-seri seperti bulan di malam purnama."

[Riwayat al-Baihaqi dalam Syu'ab al-Iman (9890) dan al-Tabarani dalam Musnad al-Syamiyyin (3465)]

Dua hadis di atas menunjukkan kelebihan yang diperolehi oleh usahawan siswa iaitu kelebihan sebagai seorang pelajar yang sedang menuntut ilmu dan seorang usahawan yang menjalankan perniagaan. Belajar dan bekerja merupakan ibadah yang mulia dan amat dituntut dalam agama. Bayangkan betapa beruntungnya seseorang usahawan siswa yang dapat membuat kedua-dua aktiviti ini dalam satu masa. Memanfaatkan usia muda dengan penuh keberkatan ini dapat memberi impak positif kepada diri usahawan siswa ketika masih belajar dan juga setelah keluar ke dunia pekerjaan kelak. Keseimbangan dalam hidup di antara belajar dan bekerja amat penting untuk memastikan kejayaan yang berterusan diperolehi bersama jaminan masa depan yang lebih cemerlang.

Secara kesimpulannya, usia muda merupakan kelebihan yang tidak ternilai bagi seorang usahawan siswa. Usia muda yang dikaitkan dengan perjalanan hidup yang panjang serta ruang yang luas untuk mencuba sesuatu yang baru, memperbaiki kesilapan, membuat penambahbaikan serta menikmati kepuasan hidup sebagai seorang pelajar yang menjadi usahawan memungkinkan seorang usahawan siswa menjadi insan yang berjaya memberi manfaat kepada diri sendiri, masyarakat dan negara. Keberanian serta sikap yang fleksibel menjurus kepada kematangan dalam membuat keputusan yang hanya boleh diperolehi dengan melalui proses jatuh bangun ini sendiri. Semoga usaha semua pihak sama ada pihak universiti, kerajaan dan pihak-pihak lain yang berterusan menyediakan program keusahawanan dan insentif kepada usahawan-usahawan siswa ini diterima baik dan dimanfaatkan sepenuhnya oleh para mahasiswa.

Rujukan

- [1] Lim, S. L., Sheerad, S., & Norasmah, O., 'Hubungan Sikap dan Tingkah Laku Keusahawanan Terhadap Pemilihan Kerjaya Keusahawanan dalam kalangan Pelajar', *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, vol. 7, no. 3, pp. 1 – 15, 2022.
- [2] Syarul Azman, S., Abur Hamdi, U., Mariam, A.M., Muhammad Yusof Marlon, A., & Siti Nor Atiqah, A., 'Galakan Keusahawanan Menurut Perspektif Hadis Nabawi: Satu Tinjauan Literatur Sistematis', *Jurnal Hadis*, vol. 11, no. 21, pp. 689 – 700, 2021.
- [3] Yuhanis, M.N., & Abu Hanifah, A., 'The Challenges and Strategies in Sustaining A Business Among Young Entrepreneurs In Malaysia', *Academy of Entrepreneurship Journal*, vol. 27, no. 6, pp. 1 – 12, 2021.
- [4] _____ (7 Disember 2021), 'KPT hasilkan 50,000 usahawan sepanjang 2020', diambil dari <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/12/785859/kpt-hasilkan-50000-usahawan-sepanjang-2020> pada 19 April 2022.